

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 August 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Ogos 2024 melainkan jika dinyatakan

## Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus is a managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing in Shariah-approved shares and securities through Takafulink Dana Ekuiti and Takafulink Dana Sukuk and in any other such Takafulink funds that may become available in the future. Suitable for participants with moderate to high risk tolerance and medium to long term investment horizon.


Takafulink Dana Urus adalah satu dana yang diuruskan untuk memaksimumkan pulangan di dalam jangka masa sederhana ke panjang. Ia dicapai dengan pelaburan di dalam saham dan sekuriti berlandaskan Syariah melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk serta dana-dana Takafulink yang lain yang mungkin disediakan di masa hadapan. Dana ini adalah untuk para peserta yang mempunyai daya toleransi sederhana ke tinggi dan ingin melabur di dalam jangka masa sederhana ke panjang.

## Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring AI-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM679,031,385.40
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.43126

## How the Fund has performed / Prestasi Dana


Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana  
Takafulink Dana Urus Vs. 80% FBMSHA + 20% 12 MTH MBB Islamic Term Deposit Rate



## Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	-2.62%	0.64%	6.14%	11.09%	4.74%	17.59%	143.13%
Benchmark / Penanda Aras	-2.90%	-0.49%	5.60%	10.62%	-1.13%	5.73%	71.72%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.28%	1.13%	0.54%	0.47%	5.87%	11.86%	71.41%

## Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



### Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	79.81
2 Takafulink Dana Sukuk	20.20

### Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	10.47
2 MISC Berhad	5.13
3 IHH Healthcare Berhad	4.57
4 Telekom Malaysia Berhad	4.51
5 PETRONAS Gas Berhad	4.42
6 Gamuda Berhad	3.99
7 SD Guthrie Berhad	3.75
8 TIME dotCom Berhad	3.02
9 DIALOG Group Berhad	3.01
10 PPB Group Berhad	2.59

### Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Sarawak Energy Berhad	3.18
2 DanaInfra Nasional Berhad	2.79
3 AEON Credit Service (M) Sdn Bhd	2.54
4 YTL Power International Berhad	2.10
5 Danum Capital Berhad	2.05
6 Amlslamic Bank Berhad	2.02
7 Edra Energy Sdn Bhd	1.96
8 PONS Capital Berhad	1.95
9 Pengurusan Air SPV Berhad	1.90
10 Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	1.87

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 August 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Ogos 2024 melainkan jika dinyatakan

## Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

### Equity Market Review

Malaysian Shariah equity markets bucked the trend we saw in the conventional space and corrected for the month of August. Global markets corrected sharply in the beginning of the month, post the BoJ rate hike on the 31 July, and the unwinding of the Yen carry trades. The Malaysian Ringgit appreciated sharply from RM4.59/USD on 31 July to RM4.32/USD 30 Aug 2024, a gain of 5.87%. Corporate earnings reported for the 2Q2024 were mostly in line, but the global concerns early in the month spurred many investors to take profits on the mid to smaller cap names. The Shariah Indices rebounded post the initial correction, but the weakness in the Technology and Property sectors weighed on sentiment. The FBM Emas Shariah closed the month at 12,286.67, down 3.73% MoM. The FBM Small Cap Shariah index declined 9.81% for the month, underperforming the FBM Emas Shariah Index.

### Market Outlook

The market turmoil at the start of August surprisingly saw a quick recovery. Looking ahead to September, it has historically been an unfavorable month for Malaysian equities, with only positive performance in one out of the last ten years. MYR is likely to hold on to its strength versus the USD, which will be negative for exporters, but positive for those whose input costs are USD denominated. Domestically, the Malaysian economy has been on a firm path of progress, with data points improving, investments coming in, tourism numbers increasing, and consumer spending resilient. Nevertheless, we are cognisant of the external risks that persist stemming from geo-political tensions in the Middle East, and the US elections. Any corrections would provide the opportunity to accumulate fundamentally sound stocks, at better valuations.

### Fixed Income Market Review

The Malaysian Government Securities (MGS) yield curve twisted in August as short-term yields declined marginally while the longer dated benchmark yields shifted higher during the month. The mid to long end of the curve rising by 2 to 4bps in view the heavy long duration supply until September and busy issuance calendar in October. In addition, there was some profit taking activities during the month following Malaysia printed a higher-than-expected 2Q2024 GDP and the civil service wages review announcement during the month. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year benchmarks closed at 3.37% (-1bps), 3.52% (unchanged), 3.72% (+4bps), 3.77% (+3bps), 3.91% (+3bps), 4.06% (+3bps) and 4.21% (+4bps) respectively in August. Meanwhile, the Government Investment Issue (MGII) yield curve also twisted with yields on the 3- to 5-year falling by 2 to 3bps while the mid to long end rose by 1 to 7bps. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year MGII closed at 3.39% (-2bps), 3.53% (-3bps), 3.70% (+1bps), 3.79% (+7bps), 3.95% (+4bps), 4.09% (+3bps), and 4.20% (+2bps) respectively in August. Data released during the month showed that Malaysia 2Q2024 GDP grew 5.9% YoY (1Q2024: +4.2% YoY) higher than the advance estimates of 5.8%. The growth was mainly due to stronger domestic demand and further expansion in exports. On the demand side, private consumption rose 6% while private investment grew 12%. Net external demand turned positive at 3.4% (1Q2024: -24.5%). On the supply side, growth was broad based with most sectors registering better growth momentum. The services sector, which account for more than half of Malaysia's economic output registered 5.9% from 4.8% YoY and manufacturing activity advanced by 4.7% from 1.9% YoY. The construction sector improved by 17.3% from 11.9% YoY. Inflation held steady at 2% in July 2024 for the third consecutive month. Prices continued to rise led by services related industries. This includes cost of healthcare, communication, recreation/culture, insurance & financial as well as restaurants & hotels. Meanwhile, core inflation was also unchanged at 1.9% YoY. Meanwhile, foreign investors holdings in Malaysian debt securities recorded an increase of RM7.8 billion in July, the highest in a year. Overall, YTD reported net inflows of RM8.7 billion and total foreign holdings rose to RM279.1 billion in July (June: RM271.3 billion). During the month of July, MGS saw an inflow of RM5.1 billion followed by MGII of RM1.4 billion and discount instruments of RM0.5 billion. As of July 2024, total foreign holdings in MGS stood at RM209.4 billion, representing approximately 34.2% of outstanding MGS. (June: 33.3%). In August, there were four government bond auctions amounting to RM19.5 billion with RM2 billion seen in private placements. Overall, the auctions garnered healthy interest. The 5-year MGII saw the strongest demand out of the four auctions in August with bid-to-cover (BTC) of 3.68x on an issuance size of RM4 billion. The reopening of the 7-year MGII also gathered a commendable interest of 2.33x. Meanwhile, the reopening of the 30-year MGS recorded BTC of 1.95x while the new 10-year MGS auctions drew BTC 1.99x on a larger-than-expected RM5.5 billion issuance size.

### Market Outlook

The better-than-expected 2Q2024 GDP growth at 5.9% YoY which brings the 1H2024 growth to +5.1% YoY (1H2023: +4.1% YoY) was broad based driven. With upbeat 1H2024 performance, some economists have revised upwards their 2024 GDP growth forecast above 5%. Meanwhile, the official guidance on real GDP growth remains unchanged at 4-5% at this juncture. At the 19th Public Service Prime Minister's Council Meeting in August, Prime Minister Anwar announced a 15% pay raise for civil servants under the management and professional category and a 7% salary raise for civil servants in the upper management category. The pay raise will be given in two phases, December 2024 and January 2026. Putrajaya has allocated over RM10 billion for the civil service salary adjustment. The Ministry of Finance (MOF) highlighted that Budget 2025 will require measures to broaden tax base. The ministry explained that Malaysia's tax revenue currently stands at a low of 12.6% of GDP in 2023. The global minimum tax (GMT) was announced last year, and the MOF has on 18th July said that it will implement the GMT on income exceeding €750 million (RM3.82 billion) starting in 2025, with a 15% tax rate. The next Bank Negara Monetary Policy Committee meeting is scheduled for 5th October, with the general expectation that the central bank will maintain its current stance, and the impact of the decision is expected to be limited. Upcoming domestic macro issues to watch out are the August trade date on 19th September, August CPI on 23rd September and 2025 Budget on 18th October. In September, there will be three government bond/sukuk auctions with an estimated net issuance of around RM2.5 billion. The upcoming issuances in September are more weighted on the longer end of the curve, starting with the reopening of the 20-year MGII 8/43, 7-year MGS 4/31 and 30-year MGII 3/54.

### Fund Review & Strategy

The Fund returned -2.62% for the month, outperforming the benchmark return of -2.90% by 0.28%. Year-to-date, the fund returned 10.04%, outperforming the benchmark return of 9.85% by 0.19%. The outperformance in August was due to the outperformance in the equity portion against its benchmark. As of August 2024, the Fund has 79.8% exposure in equities and 20.2% in sukuk.

### Ekuiti Tinjauan Bulanan

Pasaran ekuiti Shariah Malaysia menentang arah aliran yang kita lihat dalam ruang konvensional dan diperbetulkan pada Ogos. Pasaran global mengalami pembetulan ketara pada awal bulan, selepas kenaikan kadar BoJ pada 31 Julai, dan terungkainya dagangan bawaan Yen. Nilai Ringgit Malaysia meningkat secara mendadak daripada RM4.59/USD pada 31 Julai kepada RM4.32/USD pada 30 Ogos 2024, keuntungan sebanyak 5.87%. Pendapatan korporat yang dilaporkan bagi 2Q2024 kebanyakannya sejajar, namun kebimbangan global pada awal bulan mendorong ramai pelabur untuk mengambil keuntungan dari saham bermodal sederhana hingga yang lebih kecil. Indeks Shariah melonjak semula selepas pembetulan awal, namun kelemahan dalam sektor Teknologi dan Hartanah menjejaskan sentimen. FBM Emas Shariah menutup bulan dagangan pada 12,286.67, turun 3.73% bulan ke bulan (MoM). Indeks FBM Small Cap Shariah merosot 9.81% pada bulan Ogos, tidak mengatasi prestasi Indeks FBM Emas Shariah.

### Gambaran Bulanan

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 August 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Ogos 2024 melainkan jika dinyatakan

Kegawatan pasaran pada permulaan Ogos cepat pulih dengan mengejut. Menyorot September, berdasarkan sejarah, ia merupakan bulan yang tidak menguntungkan ekuiti Malaysia, dengan mencatat prestasi positif dalam hanya satu daripada sepuluh tahun yang lalu. MYR mungkin akan mengekalkan kekuatannya berbanding USD, lalu memberi kesan negatif kepada pengeksporth, namun positif buat pengeksporth yang kos inputnya dalam denominasi USD. Di dalam negara, ekonomi Malaysia berada di landasan kemajuan yang mantap, dengan data yang semakin baik, kemasukan pelaburan, peningkatan bilangan pelancong, dan kemampuan perbelanjaan pengguna. Namun begitu, kami menyedari risiko luaran yang berterusan berpunca daripada ketegangan geo-politik di Timur Tengah, dan pilihan raya AS. Sebarang pembetulan akan memberi peluang untuk mengumpul saham berasas kukuh, pada penilaian yang lebih baik.

## Pendapatan Tetap Tinjauan Bulanan

Keluk hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) berpental pada Ogos apabila hasil jangka pendek merosot sedikit manakala hasil penanda aras bertempoh lebih lama beralih lebih tinggi pada bulan tersebut. Keluk pertengahan hingga panjang meningkat antara 2 hingga 4 mata asas memandangkan penawaran tempoh panjang yang tinggi sehingga September dan kalender terbitan yang sibuk pada Oktober. Di samping itu, beberapa aktiviti pengambilan untung dirakam pada bulan ini susulan Malaysia mencatat KDNK 2Q2024 yang lebih tinggi daripada jangkaan dan pengumuman semakan gaji perkhidmatan awam pada bulan yang sama. Penanda aras 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30-tahun masing-masing ditutup pada 3.37% (-1 mata asas), 3.52% (tidak berubah), 3.72% (+4 mata asas), 3.77% (+3 mata asas), 3.91% (+3 mata asas), 4.06% (+3 mata asas) dan 4.21% (+4 mata asas) pada Ogos. Sementara itu, keluk hasil Terbitan Pelaburan Kerajaan (MGII) juga berpental dengan hasil 3- hingga 5- tahun jatuh 2 hingga 3 mata asas manakala keluk pertengahan hingga panjang meningkat 1 hingga 7 mata asas. MGII 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30-tahun masing-masing ditutup pada 3.39% (-2 mata asas), 3.53% (-3 mata asas), 3.70% (+1 mata asas), 3.79% (+7 mata asas), 3.95% (+4 mata asas), 4.09% (+3 mata asas) dan 4.20% (+2 mata asas) pada Ogos. Data yang dikeluarkan pada bulan tinjauan menunjukkan bahawa KDNK Malaysia 2Q2024 berkembang 5.9% YoY (1Q2024: +4.2% YoY) lebih tinggi daripada anggaran awal 5.8%. Pertumbuhan ini disumbangkan terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dan pengembangan selanjutnya dalam eksport. Dari segi permintaan, penggunaan swasta meningkat 6% manakala pelaburan swasta meningkat 12%. Permintaan luaran bersih bertukar positif pada 3.4% (1Q2024: -24.5%). Dari segi penawaran, pertumbuhan berasas luas dengan kebanyakan sektor mencatatkan momentum pertumbuhan yang lebih baik. Sektor perkhidmatan, yang menyumbang lebih daripada separuh pengeluaran ekonomi Malaysia mencatatkan 5.9% daripada 4.8% YoY manakala aktiviti pembuatan meningkat 4.7% daripada 1.9% YoY. Sektor pembinaan naik 17.3% daripada 11.9% YoY. Inflasi kekal stabil pada 2% di bulan Julai 2024, buat bulan ketiga berturut-turut. Harga terus meningkat, diterajui oleh industri berkaitan perkhidmatan. Ini termasuk kos penjagaan kesihatan, komunikasi, rekreasi/budaya, insurans & kewangan serta restoran & hotel. Sementara itu, inflasi teras juga tidak berubah pada 1.9% YoY. Sementara itu, pegangan pelabur asing dalam sekuriti hutang Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak RM7.8 bilion pada Julai, tertinggi dalam setahun. Secara keseluruhan, YTD melaporkan aliran masuk bersih sebanyak RM8.7 bilion sementara jumlah pegangan asing meningkat kepada RM279.1 bilion pada Julai (Jun: RM271.3 bilion). Pada Julai, MGS merakamkan aliran masuk bernilai RM5.1 bilion diikuti oleh MGII pada RM1.4 bilion dan instrumen diskaun pada RM0.5 bilion. Sehingga Julai 2024, jumlah pegangan asing dalam MGS berjumlah RM209.4 bilion, mewakili kira-kira 34.2% daripada MGS terkumpul. (Jun: 33.3%). Pada Ogos, terdapat empat lelongan bon kerajaan berjumlah RM19.5 bilion dengan RM2 bilion dilihat dalam pengaturann persendirian. Secara keseluruhannya, lelongan tersebut meraih minat yang sihat. MGII 5-tahun menyaksikan permintaan paling kukuh daripada empat lelongan pada Ogos dengan bid-to-cover (BTC) sebanyak 3.68x pada saiz terbitan berjumlah RM4 bilion. Pembukaan semula MGII 7-tahun juga menarik minat yang membanggakan sebanyak 2.33x. Sementara itu, pembukaan semula MGS 30-tahun mencatatkan BTC sebanyak 1.95x manakala lelongan baharu MGS 10-tahun memperoleh BTC 1.99x pada saiz terbitan berjumlah RM5.5 bilion yang lebih besar daripada jangkaan.

## Gambaran Bulanan

Pertumbuhan KDNK 2Q2024 yang lebih baik daripada jangkaan pada 5.9% YoY membawa pertumbuhan 1H2024 kepada +5.1% YoY (1H2023: +4.1% YoY), dipacu secara meluas. Dengan prestasi 1H2024 yang memberangsangkan, sesetengah ahli ekonomi telah menyemak semula ramalan pertumbuhan KDNK 2024 melebihi 5%. Sementara itu, panduan rasmi mengenai pertumbuhan KDNK sebenar masih tidak berubah pada 4-5% buat masa ini. Pada Mesyuarat Majlis Perkhidmatan Awam ke-19 di bulan Ogos, Perdana Menteri Anwar mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam sebanyak 15% di bawah kategori pengurusan dan profesional diikuti kenaikan gaji penjawat awam sebanyak 7% dalam kategori pengurusan atasan. Kenaikan gaji akan diberikan dalam dua fasa iaitu Disember 2024 dan Januari 2026. Putrajaya telah memperuntukkan lebih RM10 bilion buat pelarasan gaji kakitangan awam. Kementerian Kewangan (MOF) menekankan bahawa Bajet 2025 memerlukan langkah untuk meluaskan asas cukai. MOF menjelaskan bahawa hasil cukai Malaysia pada masa ini berada pada paras rendah 12.6% daripada KDNK pada 2023. Cukai minimum global (GMT) telah diumumkan pada tahun lepas, dan MOF pada 18 Julai berkata bahawa ia akan melaksanakan GMT ke atas pendapatan melebihi €750 juta (RM3.82 bilion) mulai 2025, dengan kadar cukai 15%. Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara seterusnya dijadualkan pada 5 Oktober, dengan jangkaan umum bahawa bank pusat akan mengekalkan pendirian sedia ada, dan kesan keputusan itu dijangka terhad. Isu makro domestik akan datang yang perlu diberi perhatian ialah tarikh dagangan Ogos pada 19 September, CPI Ogos pada 23 September dan Bajet 2025 pada 18 Oktober. Pada September, terdapat tiga lelongan bon/sukuk kerajaan dengan anggaran terbitan bersih sekitar RM2.5 bilion. Terbitan akan datang pada September lebih berat pada keluk lebih panjang, dimulai dengan pembukaan semula MGII 8/43 20-tahun, MGS 4/31 7-tahun dan MGII 3/54 30-tahun.

## Tinjauan & Strategi Dana

Dana mencatat pulangan -2.62% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras -2.90% dengan perbezaan 0.28%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana menghasilkan pulangan 10.04%, mengatasi pulangan penanda aras 9.85% dengan perbezaan 0.19%. Prestasi baik pada Ogos disumbangkan oleh prestasi baik dalam bahagian ekuiti berbanding penanda arasnya. Sehingga Ogos 2024, Dana mempunyai 79.8% pendedahan dalam ekuiti dan 20.2% dalam sukuk.

Source / Sumber: Fund Commentary, August 2024, Eastspring AI-Wara' Investments Berhad

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 August 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Ogos 2024 melainkan jika dinyatakan

## Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

*Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.*

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL